



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

**PANDUAN PERKHIDMATAN
INSURANS ATAU TAKAFUL**

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

19 Jun 2025

Penerbitan

Tarikh: 19 Jun 2025

Panduan Penyediaan Polisi Insurans dan Sijil Takaful pada 29 Ogos 2024 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Insurans atau Takaful yang dikemaskini pada 19 Jun 2025.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Terminologi.....	1
Pengenaan dan Skop Cukai.....	4
Perubahan kadar cukai perkhidmatan.....	4
Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful secara umum.....	5
Penentuan nilai perkhidmatan bercukai.....	6
Layanan cukai perkhidmatan ke atas penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful.....	7
Perkhidmatan yang dikenakan cukai.....	7
Perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.....	7
Perkhidmatan insurans atau takaful berhubung kawasan ditetapkan.....	11
Perkhidmatan insurans atau takaful berhubung kawasan khas.....	12
Pendaftaran dan tanggungjawab orang berdaftar.....	13
Soalan –soalan lazim.....	14
Pertanyaan.....	16
Bantuan dan maklumat lanjut mengenai SST.....	16

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - (i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - (ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan insurans atau takaful.

TERMINOLOGI

6. Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - i. **“Insurans”** termasuklah insurans semula [Seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013];
 - ii. **“Insurans semula”** ertinya perlindungan insurans yang diambil oleh penanggung insurans dengan penanggung insurans kedua atas risiko, keseluruhan atau sebahagiannya, yang telah diterimanya dan termasuklah apa-apa perkiraan yang serupa oleh suatu cawangan

penanggung insurans itu di Malaysia dengan cawangannya di luar Malaysia (ibu pejabat penanggung insurans itu adalah, bagi maksud ini, dikira sebagai suatu cawangan) [Seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013];

- iii. **“Kawasan ditetapkan”** ertinya Labuan, Langkawi, Tioman, Pangkor dan Pulau 1 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- iv. **“Kawasan khas”** ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, Kawasan Pembangunan Bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- v. **“Orang berdaftar”** ertinya orang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 atau 14, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- vi. **“Orang kena cukai”** ertinya orang berdaftar atau orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018].
- vii. **“Polisi”** ertinya suatu polisi insurans dan termasuklah suatu nota perlindungan atau suatu kontrak insurans, sama ada atau tidak terkandung dalam atau ditunjukkan oleh suatu instrumen dalam bentuk suatu polisi insurans, dan sebutan kepada—
 - (a) pengeluaran suatu polisi hendaklah ditafsirkan sebagai membuat suatu kontrak insurans, sama ada atau tidak suatu kontrak formal telah dikeluarkan; dan
 - (b) suatu polisi penanggung insurans termasuklah suatu polisi atau bon yang berkenaan dengannya penanggung insurans berada di bawah apa-apa liabiliti, sama ada polisi itu dikeluarkan oleh penanggung insurans atau liabiliti itu telah dipindahkan kepada penanggung insurans itu daripada penanggung insurans lain [Seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013];

- viii. **“Premium”** ertinya amaun yang kena dibayar kepada penanggung insurans di bawah polisi sebagai balasan bagi obligasi yang diambil alih oleh penanggung insurans itu [Seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013];
- ix. **“Sijil takaful”** termasuklah suatu nota perlindungan takaful atau apa-apa kontrak takaful bagi perniagaan takaful keluarga atau perniagaan takaful am sama ada atau tidak terkandung dalam atau ditunjukkan oleh suatu surat cara dalam bentuk suatu sijil takaful, dan sebutan mengenai—
- (a) pengeluaran suatu sijil takaful hendaklah ditafsirkan sebagai membuat suatu kontrak takaful, sama ada atau tidak suatu kontrak formal telah dikeluarkan; dan
- (b) suatu sijil takaful pengendali takaful termasuklah apa-apa sijil takaful berkenaan dengannya pengendali takaful itu berada di bawah apa-apa liabiliti, sama ada sijil takaful itu telah dikeluarkan oleh pengendali takaful atau liabiliti telah dipindahkan kepada pengendali takaful itu daripada pengendali takaful yang lain [Seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013];
- x. **“Takaful”** ertinya suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu [Seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013];
- xi. **“Takaful semula”** ertinya suatu perlindungan takaful yang diatur oleh pengendali takaful dengan pengendali takaful kedua atas risiko kumpulan wang takaful yang ditadbirnya, keseluruhan atau sebahagiannya, dan termasuklah apa-apa perkiraan yang serupa oleh suatu cawangan pengendali takaful berlesen di Malaysia dengan cawangannya di luar Malaysia (ibu pejabat pengendali takaful

berlesen itu adalah, bagi maksud ini, dikira sebagai suatu cawangan)
[Seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013].

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

7. Berkuatkuasa mulai 1 September 2018, di bawah Butiran 1, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, penyediaan semua jenis polisi insurans atau sijil takaful oleh penanggung insurans atau pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*] dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [*Akta 705*] adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

8. Berkuat kuasa 1 Julai 2025, penyediaan perkhidmatan semua jenis polisi insurans atau sijil takaful ini telah dipinda sebagai penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful oleh mana-mana orang yang dikawal selia oleh-

- a) Bank Negara Malaysia; atau
- b) Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

9. Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful ini telah dipindah ke butiran 2, Kumpulan H (Kumpulan Kewangan) berkuat kuasa 1 Julai 2025.

PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

10. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk penyediaan perkhidmatan baris kredit atau pembiayaan patuh syariah melalui pengaktifan kad kredit atau kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

11. Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful adalah pada kadar 8% berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

12. Penerangan lanjut berhubung dengan layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

PENYEDIAAN PERKHIDMATAN INSURANS ATAU TAKAFUL SECARA UMUM

13. Insurans merupakan suatu bentuk perlindungan risiko oleh penanggung insurans kepada pemegang polisi dengan bayaran premium tertentu. Manakala takaful adalah perlindungan bersama berlandaskan prinsip syariah oleh pengendali takaful kepada peserta dengan bayaran sumbangan atau caruman tertentu.

14. Insurans dibahagikan kepada dua kategori iaitu insurans am dan insurans nyawa (hayat). Sepertimana insurans, takaful juga dikelaskan kepada takaful am dan takaful keluarga.

15. Insurans am atau takaful am menyediakan perlindungan jangka pendek ke atas harta dan liabiliti daripada sebarang kehilangan atau kerosakan.

16. Insurans am atau takaful am adalah produk insurans atau takaful yang menyediakan perlindungan risiko bukan berkaitan nyawa. Penanggung insurans atau pengendali takaful menawarkan produk insurans atau takaful am **kepada individu** seperti di bawah:

- a. Motor;
- b. Kebakaran/ pemilik rumah/ isi rumah;
- c. Perubatan dan kesihatan;
- d. Kemalangan peribadi;
- e. Pendidikan anak;
- f. Perjalanan.

Nota: senarai di atas adalah tidak terhad.

17. Penanggung insurans atau pengendali takaful turut menawarkan produk insurans am atau takaful am bagi perlindungan **kepada perniagaan** seperti di bawah: -

- a. Motor;
- b. Liabiliti;
- c. Kecurian;
- d. Wang;
- e. Marin;
- f. Kebakaran;
- g. Kejuruteraan;
- h. Jaminan kesetiaan;
- i. Indemniti profesional;
- j. Barangan dalam transit;
- k. Pengangkutan barang.

Nota: senarai di atas adalah tidak terhad.

18. Insurans nyawa (hayat) atau takaful keluarga menyediakan satu kombinasi perlindungan dan simpanan untuk jangka masa panjang kepada pemegang polisi atau peserta-peserta dan tanggungan mereka jika berlaku kematian, hilang upaya atau penyakit kritikal.

PENENTUAN NILAI PERKHIDMATAN BERCUKAI

19. Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful yang merupakan suatu perkhidmatan bercukai disediakan oleh mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang merupakan orang berdaftar, nilai perkhidmatan bercukai yang dikenakan cukai perkhidmatan adalah ke atas bayaran sebenar premium atau sumbangan takaful.

20. Cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggan oleh mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Bagi perkhidmatan bercukai diimport, cukai perkhidmatan menjadi genap masa

pada masa pembayaran dibuat atau invois diterima bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal.

21. Jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi tujuan pendaftaran oleh mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan adalah RM 500,000.00.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PENYEDIAAN PERKHIDMATAN INSURANS ATAU TAKAFUL

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

22. Di bawah butiran (2), ruang (2), Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, perkhidmatan yang dikenakan cukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah: -

- a) penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko di Malaysia yang ditanggung oleh seseorang individu; dan
- b) Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful kepada organisasi perniagaan.

Perkhidmatan Yang Tidak Tertakluk Kepada Cukai Perkhidmatan

23. Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful berikut bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan: -

- a) Perkhidmatan insurans perubatan atau takaful perubatan bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko di Malaysia yang ditanggung oleh seseorang individu;

Contoh 1:

Azri mendapatkan polisi insurans perubatan dari Sihat Takaful Bhd di bawah pelan individu termasuk perlindungan ke atas diri, isteri dan anak-anaknya. Penyediaan perkhidmatan insurans perubatan oleh Sihat Takaful Bhd kepada Azri adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan insurans perubatan atau takaful perubatan di bawah skim berkelompok adalah penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful kepada organisasi perniagaan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Skim berkelompok bertujuan melindungi sekumpulan orang di bawah satu polisi induk dan kebiasaannya diambil oleh perniagaan, organisasi, institusi atau persatuan.

Contoh 2:

Koperasi Indah mewujudkan skim takaful perubatan berkelompok kepada ahli-ahli koperasi bagi rawatan perubatan dan pembedahan di hospital panel dan klinik panel. Sijil takaful ini di bawah nama Koperasi Indah sebagai pemegang polisi (master policy holder). Penyediaan perkhidmatan takaful perubatan berkelompok ini adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- b) Perkhidmatan insurans nyawa (hayat) atau takaful keluarga bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko di Malaysia yang ditanggung oleh seseorang individu;

Contoh 3:

Alex telah membeli perkhidmatan insurans nyawa dari Best Insurans Berhad dengan menamakan isterinya sebagai penerima manfaat dalam polisi tersebut sekiranya beliau meninggal dunia atau hilang upaya kekal untuk bekerja. Penyediaan perkhidmatan insurans nyawa oleh Best Insurans Berhad kepada Alex adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan insurans nyawa atau takaful keluarga yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah untuk individu sahaja. Jika perkhidmatan insurans nyawa atau takaful keluarga ini ditawarkan di bawah skim berkelompok, maka penyediaan perkhidmatan insurans nyawa atau takaful keluarga itu adalah penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful kepada organisasi perniagaan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 4:

Majlis Bandaraya Kota telah mendapatkan perkhidmatan insurans nyawa berkelompok untuk pekerja-pekerjanya dari Fit Insurans Malaysia Berhad.

Penyediaan perkhidmatan insurans nyawa berkelompok ini adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- c) Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful kepada organisasi perniagaan terhadap risiko yang berhubungan dengan pengangkutan penumpang atau barang:
- A. Dari suatu tempat di luar Malaysia ke tempat lain di luar Malaysia;
 - B. Dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke mana-mana tempat di luar Malaysia; atau
 - C. Dari suatu tempat di luar Malaysia ke pintu masuk pertama di dalam Malaysia.
- d) Perkhidmatan insurans atau takaful terhadap risiko yang berhubungan dengan pengangkutan penumpang atau barang dari suatu tempat di dalam Malaysia kepada suatu tempat lain di dalam Malaysia setakat perkhidmatan itu diberikan oleh penyedia yang sama yang menjadi sebahagian daripada pengangkutan yang disebut dalam subbutiran (B) dan (C) di perenggan di atas;

Contoh 5:

Mega International Sdn Bhd telah mendapatkan perkhidmatan insurans kargo marin dari AB Insurance Berhad bagi melindungi barang yang diangkut menggunakan pengangkutan laut dari Thailand ke China. Penyediaan perkhidmatan insurans bagi melindungi risiko pengangkutan barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke tempat lain di luar Malaysia adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 6:

Alliance Star Sdn Bhd telah mendapatkan perkhidmatan insurans kargo marin dari EF Insurance Berhad bagi melindungi barang yang diangkut menggunakan pengangkutan udara dari lapangan terbang Beijing ke lapangan terbang antarabangsa KLIA. Penyediaan perkhidmatan insurans bagi melindungi risiko pengangkutan barang dari suatu tempat di luar

Malaysia ke pintu masuk pertama di dalam Malaysia adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- e) Perkhidmatan insurans atau takaful ke atas institusi pendidikan dan pertubuhan keagamaan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Contoh 7:

AB Insurance Bhd telah menyediakan perkhidmatan insurans indemniti professional dan insurans liabiliti majikan kepada Kolej Megah Cemerlang, sebuah institusi pendidikan tinggi swasta bertaraf kolej yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Penyediaan perkhidmatan insurans kepada institusi pendidikan yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- f) Perkhidmatan insurans atau takaful kepada organisasi perniagaan bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko yang ditanggung dalam membuat pendahuluan atau pemberian kredit secara terus berkaitan dengan pengeksportan barang, perkhidmatan atau pelaburan di luar Malaysia;
- g) Perkhidmatan insurans atau takaful kepada organisasi perniagaan bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko di luar Malaysia.;

Contoh 8:

Gemilang Sdn Bhd mempunyai beberapa rangkaian hotel di Thailand dan Indonesia. Gemilang Sdn bhd telah mendapatkan perkhidmatan insurans dari AA Insurance Berhad bagi melindungi bangunan hotel di luar Malaysia. Penyediaan perkhidmatan insurans bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko di luar Malaysia adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Insurans atau Takaful Berhubung Kawasan Ditetapkan

24. Berdasarkan Seksyen 48, ACP 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan (KD) dengan kawasan khas (KK) melainkan jika Menteri menetapkan selainnya melalui suatu perintah di bawah seksyen 51, ACP 2018.

25. Berdasarkan Seksyen 49, ACP 2018, perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan yang ditetapkan kepada mana-mana orang di dalam Malaysia (selain KD dan KK) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 9:

Red Star Insurance Ltd, sebuah syarikat insurans di Labuan telah menyediakan perkhidmatan insurans wang kepada Ampang Sdn Bhd; sebuah syarikat kawalan keselamatan yang terletak di Klang, Selangor. Perkhidmatan insurans oleh penyedia perkhidmatan yang terletak di kawasan ditetapkan kepada penerima perkhidmatan di dalam Malaysia adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

26. Berdasarkan Seksyen 50, ACP 2018, perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia kepada mana-mana orang di kawasan ditetapkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 10:

Go Insurans Bhd di Kuala Lumpur telah menyediakan perkhidmatan insurans kebakaran kepada Mega Trading Sdn Bhd; sebuah syarikat pelancongan di Langkawi. Perkhidmatan insurans oleh penyedia perkhidmatan yang terletak di Malaysia kepada penerima perkhidmatan di kawasan ditetapkan adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

27. Sekiranya penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia membuka cawangan atau pejabat di KD, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan insurans atau takaful yang disediakan oleh cawangan

atau pejabat itu kerana penentuan layanan cukai perkhidmatan adalah berdasarkan tempat perniagaan utama di Malaysia dan bukannya lokasi cawangan atau pejabatnya.

Contoh 11:

S Insurans Bhd yang tempat perniagaan utamanya terletak di Kuala Lumpur melalui cawangannya di Langkawi telah menyediakan perkhidmatan insurans kebakaran kepada J Sdn Bhd; sebuah syarikat pembinaan di Langkawi. Penyediaan perkhidmatan insurans oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia kepada penerima perkhidmatan di kawasan ditetapkan adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Insurans atau Takaful Berhubung Kawasan Khas

28. Berdasarkan Seksyen 53, ACP 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam atau di antara kawasan khas (KK) atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan (KD) melainkan jika Menteri menetapkan selainnya melalui suatu perintah di bawah seksyen 56, ACP 2018.

29. Berdasarkan Seksyen 54, ACP 2018, perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan khas kepada mana-mana orang di dalam Malaysia (selain KD dan KK) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

30. Berdasarkan Seksyen 55, ACP 2018 pula, perkhidmatan bercukai oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia kepada mana-mana orang di kawasan khas adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

31. Sekiranya penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia membuka cawangan atau pejabat di KK, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan insurans atau takaful yang disediakan oleh cawangan atau pejabat itu kerana penentuan layanan cukai perkhidmatan adalah berdasarkan tempat perniagaan utama di Malaysia dan bukannya lokasi cawangan atau pejabatnya.

Contoh 12:

G Insurans Bhd di Kuala Lumpur telah menyediakan perkhidmatan insurans kargo marin kepada Kilang A Sdn Bhd; kilang elektronik berstatus gudang pengilangan berlesen di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Penyediaan perkhidmatan insurans oleh penyedia perkhidmatan yang terletak di Malaysia kepada penerima perkhidmatan di kawasan khas adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

32. Penyedia perkhidmatan yang mencapai jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah bertanggungjawab berdaftar di bawah ACP 2018.
33. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:
- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
 - (ii) Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
 - (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
 - (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.
34. Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran dan tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN –SOALAN LAZIM

1. **Q : Bagaimanakah cukai perkhidmatan dikira ke atas premium polisi motor yang dijual kepada pelanggan?**

A : Pengiraan cukai perkhidmatan adalah seperti di bawah:

Contoh 1:	RM
<i>Premium Asas</i>	780.00
<i>Loading</i>	<u>300.00</u>
<i>Jumlah</i>	1,080.00
<i>NCD</i>	<u>(450.00)</u>
<i>Premium Kasar</i>	630.00
<i>Diskaun</i>	<u>(40.00)</u>
	590.00
<i>CP (8%)</i>	47.20
<i>Duti Setem</i>	<u>10.00</u>
<i>Premium Kena Dibayar</i>	<u>647.20</u>

2. **Q : Syarikat insurans H menyediakan perkhidmatan insurans liabiliti kepada pembina kapal bagi melindungi semua peringkat kerja termasuk penundaan (towing), hook up, pemasangan dan proses *commissioning*. Pembina kapal menjalankan perkhidmatan pengubahsuaian kapal di dermaga kapal tempatan untuk pemilik kapal asing dan akhirnya menunda kapal itu ke perairan antarabangsa bagi faedah pemilik kapal asing itu. Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas premium bagi perkhidmatan insurans liabiliti tersebut?**

A : Perkhidmatan insurans liabiliti kepada organisasi perniagaan adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

3. **Q : Apakah implikasi cukai perkhidmatan ke atas premium insuran bagi perkhidmatan insurans untuk melindungi harta yang berada di luar Malaysia?**

A : Premium itu tidak dikenakan cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan insurans tersebut adalah untuk melindungi risiko ke atas harta yang berada

di luar Malaysia.

4. **Q : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas premium insuran untuk melindungi hartanah di Malaysia yang dimiliki oleh orang asing?**

A : Premium yang dikenakan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. **Q : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas pembatalan polisi insuran/takaful yang melibatkan pemulangan balik premium kepada pemegang polisi?**

A : Orang berdaftar hendaklah mengeluarkan nota kredit kepada pelanggan apabila membuat pembayaran balik premium dan seterusnya membuat pelarasan dalam penyata SST-02 bagi tempoh bercukai di mana nota kredit itu dikeluarkan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dengan:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
 - E-mel : ccc@customs.gov.my